

17/06/2000

Pelajar ikuti perkembangan negara melalui Internet

Manja Ismail

DI KAWASAN lapang di tengah-tengah tiga blok bangunan lima tingkat di Hayyu Asyir (Seksyen 10) Tooba El Ramly, di pinggir Kaherah petang semalam, sekumpulan remaja, semuanya Melayu, yang membentuk dua bulatan, bermain sepak raga.

Jika tidak kerana semua mereka memakai seluar sukan yang menutup lutut dan beberapa orang pula berkopiah putih, mungkin kami terlupa tempat itu ialah di Mesir, bukannya di kawasan flet Kerinci, Cheras atau Shah Alam di Malaysia. Begitupun, seorang rakan berseloroh konon kami berada di Kota Bharu atau Kuala Terengganu.

Semua remaja itu ialah pelajar Malaysia, kebanyakannya penuntut Universiti al-Azhar yang memenuhi beberapa blok rumah pangsa berkenaan mengandungi Asrama Terengganu, Pahang, Kedah, Sarawak dan Selangor. Bangunan itu dibeli oleh kerajaan negeri berkenaan untuk menempatkan pelajar dari negeri masing-masing dan setiap blok tertera logo negeri berkenaan.

Kunjungan ke situ petang semalam kerana ada antara kami yang perutnya masih Melayu jati, sudah tidak tahan lagi dengan makanan hotel, kebab dan roti atau mi segera empat hari berturut-turut. Kerana kawasan itu agak baru, pemandu kami terpaksa beberapa kali berhenti bertanya.

Pelajar itu agak terkejut sebaik saja kami turun dari kenderaan sambil memberi salam. Soalan pertama yang kami tanya ialah di mana kantin tempat mereka makan. Selepas itu, barulah kami memperkenalkan diri dan menceritakan kenapa kami berada di Kaherah.

Hampir semuanya datang bersalam dengan kami. Tiga daripada mereka, yang memperkenalkan diri sebagai Zaini, Azim dan Tarmizi kemudian membawa kami ke kantin tetapi dalam perjalanan memberitahu, mungkin ia sudah ditutup kerana tempat makan yang dikendalikan sendiri oleh pelajar itu hanya dibuka pada waktu sarapan, makan tengah hari dan malam.

Ternyata tekaannya itu tepat, lalu kami dibawa menyeberangi jalan untuk pergi ke sebuah restoran yang dikendalikan oleh seorang rakyat Malaysia atas nama penduduk tempatan kerana peraturan di sini tidak membenarkan orang asing berniaga. Kata salah seorang pelajar itu, restoran ini lebih baik daripada kantin mereka tadi kerana menyediakan makanan panas, termasuk tom yam dan nasi paprik.

Bagaimanapun, kerana waktu itu sudah hampir 5 petang, restoran berkenaan juga belum bersedia untuk menyajikan makanan untuk 10 orang. Begitupun, tiga pelajar berkenaan tidak berputus asa dan memutuskan membawa kami ke satu tempat lagi, walaupun agak jauh, mungkin masih menyediakan makanan.

Kerana kenderaan kami sudah hampir penuh, hanya Azim dan Tarmizi yang membawa kami ke Hayyu Sabeek (Seksyen 7) sejauh kira-kira tiga kilometer dari Hayyu Asyir di mana terletak Asrama Negeri Sembilan. Kedai makan dimaksudkan itu terletak di bawah aras jalan, bangunan empat tingkat yang terpampang di depannya logo bendera Negeri Sembilan.

Ketika menuruni tangga untuk memasuki restoran itu, saya teringat kepada Malaysia Hall di London. Bezanya saiz restoran itu lebih kecil daripada Malaysia Hall, manakala beberapa pelajar di situ memberi salam dengan mesra apabila melihat kami berbanding kebanyakan Melayu London yang agak 'pendiam'.

Menurut Tarmizi, yang berasal dari Rembau, restoran itu dibuka oleh pelajar dengan menggunakan nama penduduk tempatan. Tukang masaknyanya pula ialah pelajar dari Negeri Sembilan.

Pada papan menu di dinding kedai itu, tertera tanda harga air, lauk dan makanan lain. Turut tertulis ialah menu istimewa nasi lemak dan gulai lemak cili padi pada hari tertentu. Bagaimanapun, yang paling mahal ialah mi segera, iaitu 1.25 paun sepinggan.

"Kami sukar mendapat bekalan mi segera di sini. Bekalan yang ada ini dibawa oleh rakan-rakan yang pulang bercuti," kata Tarmizi yang turut membantu di restoran itu. Tarmizi, yang menanggung sendiri pengajiannya sudah beristeri dan mempunyai seorang anak berusia dua tahun. Isterinya yang berasal dari Port Dickson juga pelajar di Universiti Azhar.

Azim pula, yang sudah enam tahun berada di sini dan berasal dari Selayang, mendapat biasiswa/pinjaman Kerajaan Selangor. Pelajar yang tinggal di asrama membayar kira-kira 50 paun sebulan dan bagi pemegang biasiswa/pinjaman, jumlah cukup bagi menampung kehidupan dan pengajian mereka.

"Hanya Selangor yang memberikan biasiswa/pinjaman agak besar. Bagaimanapun kos hidup di sini agak rendah jika memasak sendiri atau makan di kantin asrama," kata Azim.

Walaupun lauk yang tinggal ketika itu hanya kari ayam dan ayam goreng, kebanyakan kami makan bertambah. Selepas itu, beberapa orang memesan roti canai, yang rasanya boleh menandingi roti canai mamak.

Menurut Tarmizi, kerajaan Pahang melantik seorang pegawai khas bagi menyelia pelajar tajaannya, yang juga menjadi tempat pelajar lain merujuk jika ada masalah. Jika ada masalah membabitkan pengajian dan kementerian, katanya, baru mereka menemui pegawai Jabatan Pelajar Malaysia.

Azim pula berkata, Senator Jamilah Ibrahim yang melawat Kaherah baru-baru ini, turut singgah menemui pelajar di Hayyu Asyir. Selain senator itu, katanya, sudah lama tiada pemimpin politik dan pegawai Malaysia, datang menemui mereka.

Berdasarkan pengalaman dua jam di dua kompleks pelajar Malaysia itu, sukar untuk mempercayai dakwaan konon pelajar Malaysia di sini lebih cenderung berpolitik dan condong kepada pembangkang. Selain semua yang ditemui kelihatan bersopan, tiada bendera parti politik tertentu dikibarkan di situ. Rasanya pelajar universiti tempatan di tanah air lebih politikal dan kadang kala memandang serong kepada wartawan akhbar arus perdana.

Tarmizi berkata, mereka sentiasa mengikuti perkembangan di Malaysia melalui Internet. "Kami selalu membaca Berita Harian dan Utusan," katanya. Tetapi apabila seorang rakan menambah `Harakah', beliau berkata itupun dia baca.

Sebelum pulang ke hotel, kami memberitahu mereka jika mahu memesan apa-apa kepada keluarga mereka di tanah air, bolehlah menemui kami apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan menemui pelajar di Le Meridien Hotel, Rabu ini.

Azim pula berkata, dia tidak tahu menahu mengenai perkara itu, Tarmizi memberitahu kami, dia ada mendengar mengenai pertemuan itu tetapi belum ada jemputan kepada pelajar di kompleks berkenaan supaya menghadirinya.

"Tak tahulah kalau ada notis sehari dua nanti. Kami pasti pergi kalau dijemput. Siapa tidak mahu jumpa Dr Mahathir," kata Azim. Dalam perjalanan, saya terfikir jika sebahagian pelajar di kompleks enam negeri itu belum diundang, pelajar dari mana yang diundang nanti.

(END)